



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 2 OGOS 2024

NO.	TAJUK KERTASAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	KPKM SEDIA BANTU RANCAKKAN INDUSTRI PENTERNAKAN KERBAU TENUSU DI LAWAS, BERITA RTM -ONLINE CADANG STESEN KERBAU MERAGANG DIPERBESAR, JADI KAWASAN PENTERNAKAN NASIONAL -MOHAMAD SABU, TV SARAWAK -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4. 5. 6.	10 NELAYAN ASING DICEKUP GUNA BUBU NAGA, DALAM NEGERI, UM -32 PUTERI TANJUNG DILEPASKAN UNTUK KAJIAN PENYU DI PD, DALAM NEGERI, UM -12 'PUTERI TANJUNG' DILEPASKAN DI PANTAI PORT DICKSON, NEGARA, KOSMO -15 GERABAK LRT TUKUN REKREASI, LOKAL, HM -23	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8.	EMPANGAN MADA MAMPU TAMPUNG PENANAMAN PADI, DALAM NEGERI, UM -9 TANAMAN PADI MUSIM INI TIDAK TERJEJAS, MUSIM DEPAN BELUM PASTI, DALAM NEGERI, UM -8	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17.	BEKALAN BERAS MASIH TERKAWAL, DALAM NEGERI, UM -9 KINI SEPERTI PADANG PASIR, NEGARA, KOSMO -14 TUJUH EMPANGAN DI NEGERI SELANGOR TIDAK TERJEJAS, NEGARA, KOSMO -14 HILANG MATA PENCARIAN EKORAN KEMARAU, NEGARA, KOSMO -14 NELAYAN SUNGAI 'TERDAMPAR' MUSIM KEMARAU, HILANG MATA PENCARIAN, DALAM NEGERI, UM -30 DURIAN CEPAT MEREKAH MUSIM KEMARAU, DALAM NEGERI, UM -30 SUNGAI CETEK SUKARKAN NELAYAN TANGKAP IKAN, NASIONAL, SH -13 HOT WEATHER BANE OF VEGETABLE FARMERS, NATIONAL, THE SUN -4 FARMERS BRACE FOR POOR YIELD AMID DRY SPELL, MUKA DEPAN, THE SUN -1	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/8/2024	BERITA RTM	ONLINE	

KPKM sedia bantu rancakkan industri penternakan kerbau tenusu di Lawas



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu

KUCHING, 1 Ogos -Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan untuk menyokong industri ternakan kerbau di Meragang Lawas dan bersedia membantu usaha pembesaran stesen penternakan tersebut.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata ke arah itu, kementerian tersebut akan mengadakan lawatan kerja bersempena program Road to MAHA, ke stesen penternakan itu bermula 8 hingga 11 Ogos ini.

Jelasnya sokongan tambahan akan diberikan kepada stesen penternakan kerbau tenusu itu agar pembiakan kerbau dapat diperbesarkan serta pengeluaran hasil susu ditingkatkan.

Pada masa ini, stesen penternakan tersebut mempunyai lebih 300 ekor kerbau dan dapat mengeluarkan 15 liter susu bagi setiap kerbau.

Datuk Seri Mohamad Sabu ditemui selepas mengadakan kunjungan hormat terhadap Premier Sarawak di Kuching.

Kunjungan bertujuan menjemput Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg untuk menghadiri perasmian Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia MAHA yang akan bermula pada 11 hingga 22 September.

Sementara itu, ditanya mengenai industri durian, beliau menjelaskan usaha gigih sedang dilaksanakan untuk mengeksport durian segar secara global.

Tambahnya permintaan tinggi diterima terutama dari China dan usaha sedang dijalankan bagi memastikan durian segar dapat sampai ke destinasi dengan cepat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/8/2024	TV SARAWAK	ONLINE	

Cadang Stesen Kerbau Meragang diperbesar, jadi kawasan penternakan nasional – Mohamad Sabu



KUCHING, 1 Ogos: Stesen Kerbau Meragang Lawas berpotensi sebagai kawasan penternakan kerbau contoh di peringkat nasional, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Menurut Mohamad Sabu, kementeriannya akan mengkaji keperluan bagi menyediakan sokongan tambahan untuk memperbesarkan kawasan stesen berkenaan.

“Di sana kita telah kerjasama dengan beberapa universiti dan selepas ini kita akan melihat untuk memberi sokongan tambahan untuk memperbesarkan lagi kawasan kerbau di Meragang,” katanya.

Mohamad Sabu berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas mengadakan kunjungan hormat kepada Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Patinggi Abang Johari Tun Openg di Wisma Bapa Malaysia di sini, hari ini.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Lokman Hakim Ali berkata, usaha lain adalah dengan membantu menambah jumlah kerbau sedia ada bagi meningkatkan pengeluaran susu.

“Pengeluaran setiap seekor kerbau dianggarkan adalah 15 liter susu. Di Meragang ada 300 ekor kerbau...Dengan itu kita akan cuba untuk membantu pembiakan kerbau tenusu ini bagi meningkatkan hasil pengeluarannya,” ujarinya.

Dalam pada itu, mengulas berhubung kunjungan hormat hari ini, Mohamad Sabu berkata ia bertujuan untuk menjemput Abang Johari untuk menghadiri Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024 pada 11 hingga 22 September 2024 di MAEPS, Serdang.

“Premier Sarawak menyatakan persetujuan untuk hadir dalam program yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Sempena penganjuran MAHA, kita akan mengadakan jelajah bermula 8 hingga 11 Ogos dari Brunei, seterusnya ke Lawas untuk melihat ternakan kerbau di Meragang.

“Kemudian kita akan melihat padi bukit dan diikuti program bersama nelayan di Miri,” katanya. – TVS

10 nelayan asing dicekup guna bubu naga

SABAK BERNAM: Kegiatan hampir 10 nelayan warga Myanmar yang disyaki diupah mencuri hasil laut dengan bubu naga, tumpas selepas dicekup di perairan Sungai Besar di sini, kelmarin.

Kesemua lelaki berusia 26 hingga 54 tahun dipercayai digaji warga tempatan, ditahan Jabatan Perikanan Selangor dan Pasukan Polis Marin (PPM) Pelabuhan Klang, kira-kira pukul 8 pagi.

Pengarah Perikanan negeri, Noraisyah Abu Bakar berkata, ketika serbuan nelayan yang dipercayai tiada dokumen perjalanan sah itu sedang leka menangkap ikan.

"Pemeriksaan lanjut turut membawa kepada rampasan lima bot dan peralatan bubu naga. Mereka diupah warga tempatan untuk beroperasi di sekitar perairan Sungai Besar," katanya semalam.

Semua tangkapan dan rampasan dibawa ke Pusat Tahanan Vesel Kuala Selangor bagi tindakan lanjut.

"Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 kerana mengusahkan penangkapan ikan tanpa lesen sah. Kesalahan penggunaan bubu naga pula disiasat mengikut Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Cara Menangkap Ikan) 1980," ujarnya.



ANTARA nelayan asing yang ditahan dalam serbuan di perairan Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor, kelmarin.

2/8/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

12



MOHD. Faizal Ramli melepaskan seekor penyu karah berusia 15 tahun diberi nama Puteri Tanjung pada Program Pemuliharaan Biodiversiti Marin Port Dickson semalam.
- UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

Puteri Tanjung dilepaskan untuk kajian penyu di PD

PORT DICKSON: Seekor penyu karah berusia 15 tahun dilepaskan di perairan Tanjung Tuan di sini, semalam bagi pelaksanaan kajian berkenaan penyu khususnya di kawasan perairan pantai pelancongan ini.

Penyu karah yang diberi nama Puteri Tanjung oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Linggi merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Warisan, Teknologi, Inovasi dan Digital, Datuk Mohd Faizal Ramli itu merupakan sumbangan Pusat Penyu dan Ekosistem Ma-

rin (TUMEC), Rantau Abang, Terengganu.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, pihaknya berbesar hati apabila TUMEC melaksanakan kajian kali pertama membabitkan habitat penyu di perairan Port Dickson dan berdekatan buat pertama kalinya dengan melepaskan penyu karah bersatelit.

"Penyu ini dilengkapi Platform Terminal Transmitters (PTTs) yang merupakan salah satu jenis alat transmitter satelit yang digunakan dalam peneli-

tian migrasi penyu dan dipasang pada karapas atau cangkerang penyu.

"PTT yang dipasang boleh bertahan sehingga dua hingga tiga tahun sebelum kehabisan bateri atau selagi tidak tertanggal," katanya pada Program Pemuliharaan Biodiversiti Marin Port Dickson, di sini, semalam.

Pada program itu juga sebanyak 50 ekor anak ikan inggu spesies Amphiprion ocellaris yang berusia empat hingga 6 bulan bergenerasi F3 dan 1,500 ekor benih ikan siakap dilepaskan.

'Puteri Tanjung' dilepaskan di pantai Port Dickson

PORT DICKSON – Seekor penyu karah berusia kira-kira 15 tahun dilepaskan di perairan Tanjung Tuan, di sini, semalam bagi kajian berkenaan haiwan itu khususnya di kawasan perairan pantai pelancongan di sini.

Penyu karah yang diberi nama sebagai "Puteri Tanjung" oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Linggi merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Warisan, Teknologi, Inovasi dan Digital, Datuk Mohd Faizal Ramli itu merupakan sumbangan Pusat Penyu dan Ekosistem Marin (TUMEC), Rantau Abang.

Menurut Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe, pihaknya berbesar hati apabila TUMEC melaksanakan kajian kali pertama membabitkan habitat penyu di kawasan perairan Port Dickson dan berdekatan buat pertama kalinya dengan melepaskan penyu karah bersatelit.

"Penyu ini dilengkapi Platform Terminal Transmitters (PTTs) yang merupakan salah satu jenis alat transmitter satelit yang digunakan dalam penelitian migrasi penyu dan dipasang pada karapas atau cangkerang penyu.

"PTT yang dipasang boleh bertahan sehingga dua hingga tiga tahun sebelum kehabisan bateri atau selagi tidak tertanggal," katanya kepada pemberita



PUTERI TANJUNG dilepaskan Mohd. Faizal di perairan Tanjung Tuan ketika Program Pemuliharaan Biodiversiti Marin Port Dickson semalam.

sempena sidang media Program Pemuliharaan Biodiversiti Marin Port Dickson, di sini semalam.

Untuk rekod, sempena program berkenaan sebanyak 50 ekor anak ikan inggu spesies

Amphiprion ocellaris yang berusia empat hingga 6 bulan turut dilepaskan di Monkey Bay, manakala, 1,500 ekor benih ikan siakap di lepaskan di kawasan Pulau Masjid.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/8/2024	KOSMO	NEGARA	23



GAMBAR kenangan sebelum menenggelamkan dua gerabak tren Aliran Transit Ringan (LRT) di kawasan Monkey Bay, Pulau Tioman.

Bernama

TAPAK SELAM AL-SULTAN ABDULLAH

Tioman

Pulau Tioman adalah antara destinasi selam skuba terbaik di negara ini yang menawarkan keindahan dasar laut tersendiri, antaranya laman selam Terumbu Harimau, Soyak, Tumok serta bangkai kapal KM Sipadan & Sawadee.

Kira-kira setahun dari sekarang, penggiat selam skuba akan berpeluang menyusuri laman selam baharu, dikenali Tapak Selam Al-Sultan Abdullah, susulan penenggelaman dua gerabak tren Aliran Transit Ringan (LRT) yang dilakukan di kawasan Monkey Bay pada 9 dan 10 Julai lalu.

Dua gerabak LRT yang dilabuhkan di dasar laut untuk dijadikan tukun tapak terumbu karang adalah yang pertama di negara ini, sekali gus mendapat pengiktirafan *Malaysia Book of Records* (MBOR).

Usaha itu yang dijalankan menerusi projek MBOR: *First LRT Coach Reef In Malaysia* anjuran Yayasan Al-Sultan Abdullah (YASA), turut menerima perkenan Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, yang berkenan berangkat menyempurnakan pelancaran program di Berjaya Tioman Resort pada 13 Julai lalu.

Menurut Pengarah Program MBOR: *First LRT Coach Reef In Malaysia*, Mohd Fakhru Islam Juhali, pemilihan Pulau Tioman sebagai lokasi projek itu dibuat berdasarkan kekayaan persekitaran marinnnya serta kedudukan pulau itu sendiri selaku destinasi pelancongan utama di Pahang.

"Pulau Tioman merupakan pulau terbesar dalam kumpulan sembilan pulau

Gerabak LRT tukun rekreasi



DUA gerabak LRT yang dilabuhkan di dasar laut untuk dijadikan tukun tapak terumbu karang.

yang membentuk Taman Laut Pulau Tioman. Antara aktiviti yang popular di pulau ini ialah snorkeling dan selam skuba oleh kerana terumbu karangnya, selain daripada laluan pendakian yang membawa pelawat ke air terjun yang cukup menakjubkan," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran program.

Sehubungan itu, beliau berharap pewujudan tapak selam baharu itu akan dapat menarik lebih ramai pelancong, sekali gus menggalakkan pertumbuhan ekonomi tempatan.

"Misi ini bukanlah semata-mata untuk mengukir nama dalam rekod negara, tetapi diharap menjadi satu tarikan tersendiri, terutama kepada penggemar aktiviti selam skuba, sekali gus merancakkan sektor pelancongan negara," katanya.

Sementara itu, Penasihat Teknikal Program, Norqram Mod Nor berkata, projek hanya dilaksanakan selepas mendapat pengesahan daripada pihak bertanggungjawab menjaga Perikanan Malaysia dan Institut Sumber Marin

Asia Tenggara.

Kerja-kerja melabuhkan gerabak dipantau dan diurus dengan teliti bagi memastikan semua garis panduan berkaitan keselamatan alam sekitar dipatuhi, selain komponen diturunkan itu dijamin selamat bagi hidupan marin.

"Tugasan ini bukanlah sesuatu yang mudah, bahkan memerlukan kos yang tinggi. Jadi, kami berharap semua pelancong dan penyelam sama-sama bertanggungjawab menjaganya dan tidak melakukan sebarang vandalisme.

"Sebagai sebuah tukun rekreasi, ia mestilah kelihatan cantik. Justeru, kami memilih untuk mengekalkan nilai estetik (gerabak) sebaik mungkin, seperti tempat duduk, tiang dan besi pemegang serta telefon kecemasan," katanya yang merupakan seorang daripada penyelam terlibat dalam projek itu.

"Misi ini bukanlah semata-mata untuk mengukir nama dalam rekod negara, tetapi diharap menjadi satu tarikan tersendiri, terutama kepada penggemar aktiviti selam skuba, sekali gus merancakkan sektor pelancongan negara,"

Mohd Fakhru Islam Juhali

sebanyak 81,76 peratus (0,2-3,10 ekar krati).

TARIKH	MDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/8/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Tanaman padi musim ini tidak terjejas, musim depan belum pasti

ALOR SETAR: Bekalan air sedia ada mencukupi untuk menampung keperluan sawah sehingga pokok padi mencapai tahap matang antara 100 ke 120 hari.

Bagaimanapun, menurut Pengerusi Badan Bertindak Petani Mada, Che Ani Mat Zain, sekiranya cuaca panas dan ketiadaan hujan berterusan, situasi itu akan menyukarkan petani memulakan musim tanaman baharu bermula Oktober ini.

Katanya, impak kemarau berpanjangan pada musim tanam 1/2024 belum dapat dilihat sepenuhnya berikutan ia akan tamat antara Ogos hingga September.

“Cuma kita bimbang jika cuaca berterusan tidak hujan se-

hingga September depan kerana sistem saliran sawah di Kedah dan Perlis bergantung sepenuhnya kepada bekalan air dari Empangan Muda dan Pedu yang kini kritikal dan berjaga-jaga.

“Ini kerana pokok padi memerlukan bekalan air yang cukup bermula ketika waktu menabur hingga umur padi memasuki 80 hari bagi membolehkan butir beras dihasilkan dalam jumlah banyak, kalau tidak cukup air akan berlaku padi hampa,” katanya kepada Utusan Malaysia semalam.

Akhbar ini melaporkan, Tahap Sara Diri (SSL) pengeluaran beras tahun ini dijangka menurun kepada 50 peratus susulan cuaca panas dan kemarau yang

mengakibatkan 130,000 hektar sawah seluruh negara terjejas.

Jumlah itu menurun 10 peratus berbanding sasaran SSL tahunan beras iaitu 60 peratus bagi mengurangkan keberangtungan kepada beras import.

Sementara itu, Che Ani berkata, Kedah dan Perlis sering mengalami kemarau bermula Disember hingga April setiap tahun tetapi kejadian itu tidak terlalu menyusutkan air di empangan-empangan.

Namun katanya, keadaan itu berbeza pada tahun ini apabila jumlah hujan yang diterima sangat rendah sehingga terdapat kawasan sawah di Perlis dilaporkan tidak menerima hujan sejak beberapa bulan lalu.

Sungai Pahang kering selepas seminggu cuaca panas

Kini seperti padang pasir

Oleh ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN

MARAN – Bagaikan padang pasir sayup mata memandang.

Begitulah keadaan Sungai Pahang di Kampung Pesagi, di sini yang mengalami keadaan kering kontang terkong dengan musim kemarau sekarang.

Berdasarkan tinjauan Kosmo! salah satu sungai daripada dua cabang sungai yang melalui tepi 'pulau' yang berada di tengah sungai itu kering kontang dengan hanya menampakkan pasir dan tanah.


Keadaan ini membolehkan orang ramai berjalan di dasarnya untuk ke 'pulau' yang terletak di tengah sungai, malahan kenderaan juga sudah boleh melalui pasir berkenaan yang sudah keras dan kering.

Ketua Kampung Pesagi, Abdul Rahim Yaakob berkata, meskipun baru seminggu cuaca panas melanda, namun keadaan sungai kering pada kali ini adalah yang terburuk apabila kawasan yang terjejas lebih besar.

Katanya keadaan ini menimbulkan keresahan dalam kalangan penduduk, malah juga menjejaskan hampir 200 sangkar ikan yang ada di tepi sungai berkenaan.

"Apabila bermulanya kemarau terus air surut. Ini kali kedua tahun ini, tetapi keadaan sekarang lebih teruk lagi.

"Kejadian yang lepas ada lagi



ABDUL RAHIM berada di tengah Sungai Pahang yang kering di Kampung Pesagi, Maran semalam.

sangkar di dalam air, tetapi pada kali ini berada di atas pasir belaka dan kawasan kering semakin besar," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurutnya, kejadian cabang Sungai Pahang berkenaan yang menampakkan dasar mula berlaku sejak tahun 90-an sedikit demi sedikit sehinggalah mengalami keadaan kering kontang ketara bermula 2019 sehingga

kini.

Sementara itu seorang penternak ikan sangkar, Mohamad Khairulnizam Omar, 40, berkata, keadaan Sungai Pahang yang kering menyebabkan kira-kira 62 buah sangkar ikan miliknya terjejas dan berada di atas pasir.

Katanya, meskipun kawasan sangkar ikannya adalah di kawasan sungai yang agak dalam, namun kini sebahagiannya hanya

ditenggelami air kira-kira tidak sampai paras lutut orang dewasa, manakala sebahagian lagi sangkar terpaksa dikosongkan.

"Semalam ikan saya mulai mati yang mana satu sangkar ikan tilapia dengan anggaran berat keseluruhan 400 kilogram mati, selain itu di sangkar lain terdapat juga sedikit demi sedikit ikan mati termasuk ikan patin," ujarnya.

Hilang mata pencarian ekoran kemarau

SEGAMAT – Sungai Segamat yang sebelum ini diibaratkan lubuk emas bagi nelayan air tawar, kini sunyi dari sebarang aktiviti penangkapan ikan berikutan air surut ekoran musim kemarau.

Bukan sahaja nelayan, tempas kemarau turut merencatkan aktiviti kaki pancing di sepanjang beberapa lubuk sungai itu kerana bimbang tiada hasil untuk dibawa pulang.

Seorang nelayan air tawar, Mohammad Yahya, 50, kebanyakan nelayan kini 'bercuti' dan menghabiskan masa dengan mengambil upah membaiki bubu, lukah, tajur, rawai dan jaring.

"Sudah lama saya dan beberapa nelayan tidak turun ke sungai berikutan air surut yang kesannya turut kelibat beting pasir di beberapa kawasan.

"Ini termasuk beberapa lubuk yang dahulunya terkenal dihuni udang galah, ikan baung, ikan lampam dan belida.



MOHAMMAD mengambil upah membaiki jaring dan bubu kerana tidak dapat turun menangkap ikan akibat musim kemarau di Segamat semalam.

"Musim kemarau memberi kesan buruk kepada nelayan tempatan dan kaki pancing kerana fenomena air sungai cetek serta permukaannya menjadi panas menyebabkan ikan dan udang 'berhijrah' sementara ke lokasi lain.

"Hanya itu sumber rezeki kami. Kami dapat rasakan tekanan dan beban untuk menyara keluarga semakin meningkat ketika musim panas ini," katanya semasa ditemui di Kampung Batu Badak di sini semalam.

Tambahnya, sebahagian nelayan yang berkemahiran akan menggunakan masa senggang yang ada kini dengan mengambil upah menjahit pukot.

Sedikit sebanyak upah menjahit pukot berkenaan dapat membantu menambahkan sedikit belanja dapur dan persekolahan harian anak-anak.

Selain pukot, Yahya turut mengambil upah membaiki lukah, jaring dan sampian.

Tujuh empangan di negeri Selangor tidak terjejas

SHAH ALAM – Paras air tujuh empangan utama di Selangor berada pada tahap baik dan tidak terjejas susulan fenomena cuaca panas yang melanda negara pada ketika ini.

Exco Infrastruktur dan Pertanian negeri, Ir. Izzah Hashim berkata, pihaknya memerhatikan pihak-pihak yang mendapati enam daripada tujuh empangan tersebut melebihi kapasiti 90 peratus setakat semalam.

Jelas beliau, jumlah itu termasuk Empangan Semenyih yang kini masih berada pada paras 100 peratus.

"Empangan Sungai Langat pula setakat ini berkapsiti 99 peratus, diikuti Empangan Tasik Subang (98 peratus), Empangan Batu (95 peratus), Empangan Sungai Tinggi (94 peratus), Empangan Sungai Selangor (93 peratus).

"Hanya Empangan Klang Gate berada pada paras 80 peratus, namun kesemua tujuh empangan berkenaan mampu membekalkan air selama tiga bulan sekiranya tiada hujan," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Terdahulu, media melaporkan, takungan air di empangan dan tasik di tiga negeri iaitu Perlis, Kedah dan Perak kini terjejas dan berada pada tahap yang membimbangkan.

Situasi tersebut turut mengancam puluhan ribu hektar tanaman padi dan ribuan petani di ketiga-tiga negeri terbabit bakal kerugian akibat sawah kering kontang dan tanah merekah.

Mengulas lanjut, menurut Izzah, paras air di 34 muka sauk Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor turut berada dalam keadaan baik bagi kelangsungan bekalan air di negeri itu termasuk Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Selain itu, kita mempunyai lebih 100 kolam takungan dan tasik sebagai sumber yang juga boleh membekalkan air lebih tiga bulan jika tiada sebarang hujan.

"Setakat ini, tidak berlaku penyusutan paras air ketara dan keadaan akan menjadi kritikal sekiranya berada di bawah paras 50 peratus," ujarnya.

2/8/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

30

Nelayan sungai 'terdampar' musim kemarau, hilang mata pencarian

Oleh FARAHWANDA AHMAD

SEGAMAT Sungai Segamat yang diliputi air tawar, kini 'suri' nelayan. Para air surut di beberapa titik, nelayan di beberapa titik yang sering menjadi tumpuan mereka seba-

hingga berikutan air surut se- hingga beberapa berikutan air surut se- hingga berikutan air surut se- hingga berikutan air surut se-

hingga berikutan air surut se- hingga berikutan air surut se- hingga berikutan air surut se- hingga berikutan air surut se-



PARAS air Sungai Segamat yang cetek pada musim kemarau, menyukarkan nelayan mencari rezeki.

hingga berikutan air surut se- hingga berikutan air surut se- hingga berikutan air surut se- hingga berikutan air surut se-

Durian cepat merekah musim kemarau

Bahru Pontian. Durian dijumpa orang ramai, khususnya penggemar durian amat baik, terutama- nya pada hujung minggu se- pert Jumaat, Sabtu dan Ahad.

Seorang lagi peniaga yang hanya mahu dikenali sebagai Ali Leng, 35, memberitahu durian musim kemarau yang dijumpa orang ramai, terma- lah buah-buahan yang mem- punyai perisa yang manis dan gurih.

Dia menjual durian kuan- ting pada harga RM18 (RM18), durian kuanting (RM18), durian kuanting (RM18), durian kuanting (RM18).

"Cuka panas ketika itu memang membantu jalan- nya, tetapi kalau tak habes, jual kamil yang rugi kerana tidak boleh simpan untuk esok pagi."

Kelompok peniaga lain yang menjual durian di- sana turut kenderaan mereka berpun bagi perjalanan jauh seperti ke Johor Bahru, Pasir Gudang, Kota Tinggi dan se- lain-lain. Mereka berharap pengalihan itu akan membantu durian.

2/8/2024

SINAR

NASIONAL

13

HARIAN

Bot tidak boleh lalu kerana halangan beting pasir dan batuan timbul

Oleh NOOR AINON
MOHAMED YUSOF
PASIR SALAK

Cuaca panas berlarutan telah memberi kesan kepada paras air sungai terutama kawasan Kampung Gajah sehingga kelihatan beting pasir dan batuan.

Tinjauan Sinar Harian mendapati paras air Sungai Kinta yang menjadi nadi kepada lebih 20 nelayan darat di Sungai Gajah di sini pada Selasa mula naik berikutan hujan sejak dua hari lalu.

Situasi itu memberi kesempatan kepada komuniti nelayan menjalankan aktiviti tangkapan ikan darat seperti biasa selepas lebih sebulan 'kekerangan'.

Bagi nelayan, Ahmad Saifuddin Haris, 26, paras air sungai itu dijangka akan kembali surut selepas beberapa hari berdasarkan laporan Jabatan Meteorologi Malaysia

(MetMalaysia).

"Lebih sebulan tidak hujan menyebabkan paras air sungai surut beberapa meter hinggalah kami berjalan kaki di tengah sungai ini kerana beting pasir mula timbul.

"Bila air surut kawasan tangkapan mula mengecil kerana bot tidak dapat melepasi beting pasir ke lubuk-lubuk ikan untuk pasang pukuk," katanya ketika ditemui di sini.

Nurul Azmi Mohamed Daud, 39, pula berkata, keadaan cuaca panas kini menyebabkan hasil tangkapan ikan berkurangan.

"Kebiasaannya kami dapat jual ikan baung, lampam, jelawat dengan meraih pendapatan sekitar RM100 sehari. Tetapi musim kemarau ini nak dapat RM50 pun agak sukar.

"Jadi ada nelayan yang terpaksa mengambil upah melakukan kerja kampung untuk cari

Sungai cetek sukarkan nelayan tangkap ikan



Nurul Azmi (kanan) menggunakan masa lapang mengemaskan bot dan pukatnya di Jeti Nelayan Darat Peniat di Sungai Gajah, Kampung Gajah.

duit harian selain memikirkan risiko kerosakan enjin sekiranya diteruskan kerana beting pasir dan tunggul kayu telah timbul," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua Persatuan Nelayan Ikan Air Tawar (Peniat), Sairul Nizam

sepanjang bulan Julai ini yang mana nelayan tidak dapat pergi ke kawasan lombong untuk tangkap ikan menggunakan jalan air.

"Sungai ini merupakan satu-satunya laluan untuk nelayan darat. Apabila hendak guna jalan darat pula, kebanyakan akses terhalang kerana melibatkan kawasan kebun kelapa sawit yang berpagar," katanya.

Pada masa sama, beliau mencadangkan kepada agensi berkaitan supaya dapat mengenal pasti kawasan sungai cetek ini untuk dijadikan sumber pendapatan negeri.

"Diharapkan kerajaan negeri menerusi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dapat cuci atau dalamkan sungai dengan menyedut pasir lombong atau sungai untuk dijadikan sumber pendapatan.

"Malah, Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) dapat menjalankan penilaian sesuatu pembangunan yang akan memberi kesan kepada punca air sungai," katanya.

Hot weather **bane** of vegetable farmers

➤ High temperatures cause water to evaporate rapidly and overwhelm crops: Federation chairman

■ BY QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Federation of Vegetable Farmers Association of Malaysia chairman Lim Ser Kwee said farmers across the country are worried about uncertain crop yields due to the hot and dry weather conditions caused by the southwest monsoon that is predicted to last until mid-September.

A plantation and agrotechnology expert said this could cause price instability in the market, increasing the cost of living.

Lim said farmers rely on good weather conditions for vegetable farming as it directly affects the growth and yield of their crops.

He said MetMalaysia has forecast the monsoon would change weather patterns, reducing rain clouds and rainfall.

"Weather conditions are crucial for successful vegetable farming. In the past two to three years, Malaysia has faced extreme weather conditions.

"It is challenging when it is too hot, especially when we have limited ponds and ditches as water sources. While vegetables need sunlight, the current extreme heat overwhelms the crops."

He said temperatures reaching 35°C cause

water to evaporate rapidly and vegetables cannot survive in such hot conditions, resulting in lower yields.

"For example, long beans are affected by the heat. Their yellowing leaves are an early indication of poor yields and fewer pods. Because of the weather, we are planting fewer vegetables than we used to."

He said the rising costs of farming, including higher expenses for fuel, fertilisers and pesticides, have made it increasingly challenging for farmers.

Universiti Teknologi Mara Plantation and Agrotechnology Faculty lecturer Assoc Prof Siti Noor Hajjar Md Laip said in hot and dry weather conditions, the photosynthesis, transpiration and respiration processes in vegetables increase, reducing plant productivity and yields.

"As temperatures rise, plants focus more on these processes, potentially diminishing their overall growth and output.

"Water is an important element in vegetable production. Hot weather reduces water supply. This affects the watering system and its availability for agriculture."

She said in farming, weather conditions play a crucial role in determining crop productivity and yield, and extreme weather

caused by heat or heavy rain could significantly impact the stability of vegetable prices.

"High temperatures could cause heat stress in crops, leading to reduced yields, while excessive rainfall could result in waterlogged soil and increased risk of plant diseases.

"These conditions could decrease crop supply, driving up prices due to the imbalance between supply and demand," she said, adding that the quantity and quality of crops are directly affected by such conditions and this poses risks to food security.

"Climate change threatens food availability, access and sustainability. To ensure food security, it is crucial to explore alternative methods for maintaining food resources and preparing for worst case scenarios."

She said the rise in food costs is difficult to avoid when reduced vegetable yields are the cause.

She also said farmers face considerable challenges, including the need to plant vegetables under unpredictable conditions, which often requires additional expenses for fertilisers and pesticides to maintain yields.

"To better manage the risks associated with unpredictable weather patterns, farmers need to schedule their planting after considering the weather forecast.

"To stabilise food prices and ensure a steady supply of vegetables throughout the year, it is essential to have an effective storage system to maintain the freshness, quality and quantity of vegetables. This would contribute to price stability."

Farmers brace for poor yield amid dry spell

High temperature can cause heat stress in crops, leading to reduced growth, potentially driving up prices due to imbalance between supply and demand: Expert



Report on
page 4



The current arid weather conditions have caused many vegetable crops at farms to wither. — MASRY CHE ANI/THESUN